

# KESEDIAAN PELAJAR SEMESTER SATU JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (JTMK) POLITEKNIK SEBERANG PERAI (PSP) MENGIKUTI PEMBELAJARAN BERASASKAN *BLENDED LEARNING*

Muna Ishak<sup>1</sup> & Farrah Waheda Abdullah<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Politeknik Seberang Perai  
[muna@psp.edu.my](mailto:muna@psp.edu.my)  
[farrah@psp.edu.my](mailto:farrah@psp.edu.my)

## ABSTRAK

Politeknik Malaysia memberi fokus kepada pedagogi abad ke-21 yang menggabungkan pembelajaran tradisional (bersemuka) dan pembelajaran secara atas talian atau dikenali sebagai *Blended learning*. Kejayaan *blended learning* memerlukan penglibatan menyeluruh daripada semua pihak termasuk pelajar. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji tahap kesediaan pelajar semester satu Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK) Politeknik Seberang Perai (PSP) mengikut pembelajaran berdasarkan *blended learning*. Rekebentuk kajian ini adalah berdasarkan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 114 pelajar semester satu JTMK terlibat sebagai responden. Kajian ini memfokuskan kepada tahap kesediaan pelajar terhadap *blended learning* di JTMK. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pelajar semester satu di JTMK adalah bersedia dan menyokong pembelajaran *blended learning*. Secara kesimpulannya, penggunaan *blended learning* berpotensi sebagai nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) abad ke 21.

**Kata kunci:** blended learning, kesediaan pelajar, pelajar semester satu JTMK

## 1. Pendahuluan

Penggunaan teknologi pendidikan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia telah berkembang pesat sejak beberapa dekad lalu dan seiring dengan itu, kaedah serta pendekatan dalam P&P turut mengalami perubahan (Osman & Hamzah, 2016). Kurikulum pendidikan turut mengalami perubahan dan sentiasa ditambah baik dengan penggunaan media baru sebagai alat pengajaran (Soh, 2012). Pada April 2015, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 telah dilancarkan, yang mengandungi 10 lonjakan utama dan salah satu lonjakan tersebut ialah pembelajaran dalam talian tahap global. Lonjakan tersebut menjelaskan bahawa model pembelajaran teradun (*Blended Learning*) akan menjadi pendekatan pedagogi utama semua Institut Pengajian Tinggi ([www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)).

### 1.1. Latar Belakang Kajian

Blended Learning telah muncul sekitar tahun 2000 dan berfungsi untuk menyokong pembelajaran tradisional. Terdapat beberapa ciri dalam *Blended Learning* sebagai mana yang diuraikan oleh Dziuban, Hartman, dan Moskal (2004). Antara ciri tersebut ialah peralihan daripada pembelajaran berpusatkan pensyarah kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (termasuk ketika sesi pembelajaran bersemuka), peningkatan interaksi antara pelajar dan pensyarah, sesama pelajar, pelajar dan kandungan serta pelajar dan maklumat luar yang lain. *Blended Learning* menawarkan pilihan terbaik dengan meletakkan pelajar sebagai pusat proses pembelajaran berlaku. Pelajar digalakkan untuk menyertai perbincangan

dalam forum dan menyumbang sesuatu yang bernilai dalam pembelajaran (Luaran, Alias & Jain, 2014).

Jabatan Teknologi dan Maklumat (JTMK) Politeknik Seberang Perai (PSP) tidak terkecuali daripada meletakkan dasar agar P&P turut dilaksanakan dalam bentuk *Blended Learning*. Definasi operasi (OD) Mod *Blended* atau pembelajaran teradun yang di gunakan adalah merujuk kepada kursus yang mempunyai campuran pendekatan pembelajaran mod *atas talian* dan mod pembelajaran bersemuka dengan 30% - 80% kandungan dan aktiviti kursus dikendalikan secara *atas talian* sama ada menyokong atau menggantikan pembelajaran bersemuka (Projek Agenda Kritis (CAP) eLearning 2014, KPM). Konsep *Blended Learning* yang ingin diamalkan di semua Politeknik Malaysia memberi fokus kepada pedagogi abad ke-21 yang menggabungkan pembelajaran tradisional (bersemuka) dan pembelajaran secara *atas talian*. Konsep *Blended Learning* yang diamalkan di Politeknik Malaysia diolah setelah mengambilira keistimewaan politeknik sebagai institusi pengajian teknikal dan latihan vokasional (Technical Educational and Vocational Training -TVET). Memandangkan pembelajaran amali atau praktikal yang menjadi tunggak utama institusi TVET, maka ia masih mengekalkan pembelajaran secara bersemuka, namun pembelajaran teori akan dijalankan secara *atas talian*.

## 1.2. Penyataan Masalah

Bermula pada tahun 2014, Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) berdasarkan keputusan Projek Agenda Kritis (CAPs) ePembelajaran KPM (2014) telah menetapkan bahawa 50% dari kursus yang anjurkan oleh IPTA mestilah berlaku secara *atas talian* menggunakan pendekatan *Blended Learning*. Di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Seberang Perai pelbagai usaha telah dijalankan untuk mempromosikan kaedah ini. Setelah dua tahun kaedah ini ditetapkan ia masih belum mencapai tahap yang seperti yang diingini oleh JPP. Maka pengkaji merasakan perlu untuk mengkaji dari segi kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran dan pengajaran (PdP) menggunakan pendekatan *Blended Learning* ini.

## 1.3. Objektif Kajian

Objektif kajian yang dijalankan ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran berdasarkan *Blended Learning* berdasarkan jantina dan program.
- ii. Mengenal pasti perbezaan min kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berdasarkan *Blended Learning* berdasarkan jantina.
- iii. Mengenal pasti perbezaan min kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berdasarkan *Blended Learning* berdasarkan program.

## 1.4. Soalan Kajian

Soalan kajian yang dibentuk adalah berdasarkan objektif kajian. Soalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah tahap kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran berdasarkan *Blended Learning* berdasarkan berdasarkan jantina dan program diploma?
- ii. Apakah terdapat perbezaan min kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berdasarkan *Blended Learning* berdasarkan faktor jantina?
- iii. Apakah terdapat perbezaan min kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berdasarkan *Blended Learning* berdasarkan faktor program diploma?
- iv. Apakah terdapat perbezaan min kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berdasarkan *Blended Learning* berdasarkan faktor umur?
- v. Apakah terdapat perbezaan min kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berdasarkan *Blended Learning* berdasarkan faktor pengalaman menggunakan internet?
- vi. Apakah terdapat hubungan antara tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* dengan pengalaman menggunakan internet?

## 1.5. Hipotesis Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah kajian, objektif dan soalan kajian, beberapa hipotesis dibentuk iaitu:

$H_{01}$ : Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor jantina.

$H_{02}$ : Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor program diploma.

$H_{03}$ : Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor umur.


$H_{04}$ : Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor pengalaman menggunakan internet.

$H_{05}$ : Tidak terdapat hubungan antara tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* dengan pengalaman menggunakan internet.

## 2. Kajian Literatur

### 2.1. Pengertian *Blended Learning*

Bonk & Graham (2006) menakrifkan *Blended Learning* sebagai sistem pembelajaran yang menggabungkan teknik instruksi bersemuka dengan teknik instruksi berasaskan media atau *technology-mediated instruction*. Pendekatan ini menggunakan teknologi digital terkini untuk memberi peluang dan kebebasan kepada orang ramai terutamanya pensyarah dan pelajar. Menurut Thorne (2003), *Blended Learning* adalah perpaduan teknologi multimedia, CD ROM video streaming, kelas maya, voicemail, emel dan telephone conference, animasi teks atas talian dan video-streaming.



Rajah 2.1. Percampuran gaya pembelajaran *Blended Learning*

### 2.2. Kajian Terdahulu

Pada masa kini, *blended learning* telah mendapat perhatian dan membawa banyak perubahan dalam perlaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh sebab yang demikian, pelbagai kajian berkaitan *Blended Learning* telah dijalankan bagi melihat sejauh mana penerimaan dan keberkesanan kaedah tersebut. Akkoyunlu dan Yilmaz-Soylu (2008) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pembelajaran berasaskan *Blended Learning*. Dapatkan kajian mereka menunjukkan pelajar yang aktif menggunakan forum dalam e-pembelajaran mempunyai pandangan yang positif terhadap *Blended Learning*. OUM (Open University Malaysia) merupakan antara universiti yang terawal melaksanakan *blended learning* dalam P&P mereka (Azizan, 2010). Kajian Deborah dan Lee (2013) pula mengenai persepsi pelajar terhadap *Blended Learning* melaporkan pelajar menghargai kelas yang berasaskan *Blended Learning*, namun masih ragu-ragu untuk menerima perubahan. Namun begitu kajian oleh Izuddin Syarif (2013)

mendapati terdapat peningkatan motivasi dan prestasi pelajar yang menggunakan mod *blended learning* berbanding mod bersemuka. Kajian oleh Norman Vaughan (2014) pula menunjukkan *blended learning* menyokong pembelajaran aktif dan kolaboratif, seterusnya meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Manakala kajian oleh Kintu, Zham dan Kagambe (2017) mendapati latar belakang atau sikap pelajar mempengaruhi penerimaan terhadap *blended learning*.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif di mana data dipungut menggunakan soal selidik yang telah diubah suai berdasarkan kajian-kajian lepas. Soal selidik yang telah diubah suai ini seterusnya telah mendapat pengesahan pakar sebelum digunakan dalam kajian. Sampel kajian telah dipilih secara rawak dengan melibatkan seramai 114 pelajar. Pelajar tersebut terdiri daripada pelajar semester satu JTMK daripada Program Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian) (DNS) dan Program Diploma Teknologi Digital (DDT). Jumlah keseluruhan pelajar semester satu JTMK sesi Jun 2016 ialah 120 orang. Oleh itu jumlah 114 pelajar yang terlibat dalam kajian ini telah menepati jumlah pensampelan seperti mana dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Data kajian ini diperoleh menerusi soal selidik atas talian menggunakan aplikasi *Google Form*. Pautan ke soal selidik telah dihebahkan melalui aplikasi *Whatsapp*. Soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for the Social Sciences*) versi 21. Analisis yang digunakan dalam kajian ini melibatkan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif bertujuan untuk mendeskripsikan atau menggambarkan sesuatu perkara. Manakala analisis inferensi akan melihat sama ada wujud hubungan antara pembolehubah yang dikaji.

## 4. Dapatkan Kajian

### 4.1. Profil Responden

Profil responden memaparkan maklumat berkaitan umur, jantina, program diploma dan pengalaman menggunakan internet dalam kalangan responden. Merujuk kepada Jadual 4.1 di bawah, data menunjukkan bilangan responden yang paling ramai ialah berumur 18 tahun iaitu seramai 66 orang (57.9%). Umur kedua tertinggi ialah berumur 17 tahun iaitu seramai 36 orang (31.6%). Manakala untuk bilangan responden yang paling sedikit adalah umur 22 tahun, terdapat hanya seorang responden (0.9%) yang mewakili umur tersebut.

Jadual 4.1.Bilangan Responden Berdasarkan Umur

Umur	Kekerapan	Peratus
17	36	31.6
18	66	57.9
19	3	2.6
20	5	4.4
21	3	2.6
22	1	.9
<b>Jumlah</b>	<b>114</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa responden lelaki ialah seramai 37 orang (32.5%) manakala responden perempuan pula ialah seramai 77 orang (67.5%). Perangkaan yang ditunjukkan menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan melebihi responden lelaki sebanyak 40 orang (35%).

*Jadual 4.2.Bilangan Responden Berdasarkan Jantina*

<b>Jantina responden</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	37	32.5
Perempuan	77	67.5
<b>Jumlah</b>	<b>114</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan Jadual 4.3 di bawah, didapati bahawa majoriti bilangan responden adalah pelajar program diploma DDT seramai 68 orang (59.6%) manakala seramai 46 orang (40.4%) adalah pelajar program diploma DNS.

*Jadual 4.3.Bilangan Responden Berdasarkan Program Diploma*

<b>Kelulusan Akademik</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
DDT	68	59.6
DNS	46	40.4
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4.4 menunjukkan tahun pengalaman menggunakan internet oleh responden yang terlibat dalam kajian ini. Jumlah responden yang telah menggunakan internet selama 6 hingga 8 tahun adalah yang paling ramai iaitu seramai 56 responden (49.1%). Jumlah responden yang mempunyai pengalaman menggunakan internet antara 3 hingga 5 tahun adalah yang kedua tertinggi iaitu seramai 31 orang (27.2 %). Jumlah responden yang paling kecil ialah kumpulan yang mempunyai pengalaman menggunakan internet antara 12-14 tahun dan 15-17 tahun iaitu hanya dua orang (1.8%) bagi setiap kumpulan kategori ini.

*Jadual 4.4.Bilangan Responden Berdasarkan Pengalaman Menggunakan Internet*

<b>Pengalaman Internet (tahun)</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
0-2	4	3.5
3-5	31	27.2
6-8	56	49.1
9-11	19	16.7
12-14	2	1.8
15-17	2	1.8
<b>Jumlah</b>	<b>114</b>	<b>100</b>

## 4.2. Analisis Deskriptif Item Kajian

Kajian dilakukan untuk melihat tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK, PSP berdasarkan kepada 20 item soalan. Aras signifikan 0.05 ditetapkan dalam kajian ini bagi menentukan sama ada hipotesis nol yang diujui diterima atau ditolak.

*Jadual 4.5.Min Kesediaan Pelajar JTMK PSP Mengikut Setiap Item*

<b>Item</b>	<b>Min</b>
1. Saya mampu untuk belajar sendiri.	3.60
2. Saya seorang yang berdikari dalam menyiapkan tugas yang diberikan.	3.85
3. Saya selesa untuk menggunakan teknologi dalam pembelajaran saya.	4.38
4. Saya mempunyai kemahiran untuk menggunakan kaedah pembelajaran elektronik (e-pembelajaran).	3.88
5. Saya yakin pembelajaran bersemuka tidak boleh diabaikan kerana pembelajaran bersemuka mempunyai kelebihannya yang tersendiri.	4.44

6. Saya percaya e-pembelajaran juga mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tertentu.	4.34
7. Saya gemar mencari bahan-bahan ilmiah melalui internet.	4.38
8. Saya lebih berminat untuk mengikuti blended learning berbanding dengan pembelajaran bersemuka sepenuhnya	3.62
9. Saya lebih berminat untuk mengikuti blended learning berbanding dengan e-pembelajaran sepenuhnya.	3.63
10. Saya mempunyai masa yang mencukupi untuk mengikuti pembelajaran secara blended learning.	3.69
11. Saya menggunakan kemudahan capaian internet untuk tujuan pembelajaran	3.84
12. Saya mendapat pembelajaran lebih mudah dengan penggunaan Blended Learning	3.72
13. Saya mahir memuat turun/naik nota atau bahan pembelajaran dari internet	4.10
14. Saya mempunyai kebolehan melayari e-pembelajaran dengan berkesan.	3.85
15. Saya mahir untuk menjawab kuiz secara atas talian	3.85
16. Saya bersedia untuk menghadapi cabaran dalam mengikuti blended learning.	3.78
17. Saya bersedia untuk mengikuti blended learning pada bila-bila masa.	3.77
18. Saya rasa Blended Learning sesuatu yang sukar.	3.44
19. Saya suka berkongsi pendapat dengan rakan-rakan secara atas talian.	4.00
<b>20. Saya suka merujuk pensyarah dalam pembelajaran secara atas talian.</b>	<b>4.01</b>
<b>Jumlah</b>	<b>3.91</b>

Berdasarkan Jadual 4.5 dapat dinyatakan bahawa secara keseluruhan tahap kesediaan dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 3.91. Item yang paling tinggi ialah item ke 5 dengan nilai min adalah 4.44. Item yang paling kurang ialah item 18 tetapi masih berada pada tahap yang sederhana dengan nilai min 3.44.

#### 4.3. Pengujian Hipotesis-Hipotesis dan kesimpulan

**H<sub>01</sub>:** Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor jantina.

*Jadual 4.6.Ujian t kesediaan pelajar berdasarkan jantina*

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Tahap signifikan
Lelaki	37	3.936	0.52104	0.475	0.636
Perempuan	77	3.894	0.39367		

Signifikan pada aras 0.05 (p<0.05)

**H<sub>02</sub>:** Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor program diploma.

*Jadual 4.7.Ujian t kesediaan pelajar berdasarkan program diploma*

Program	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Tahap signifikan
DDT	68	3.916	0.43961	0.254	0.800
DNS	46	3.895	0.43803		

Signifikan pada aras 0.05 (p<0.05)

Ujian Levene menunjukkan nilai sig.0.629>0.05 bererti dua varians adalah sama atau hampir sama. Berdasarkan Jadual 4.7, dapatan hasil ujian-t sampel bebas secara statistik adalah menunjukkan nilai t=0.254 dengan darjah kebebasan df ialah 112. Oleh sebab nilai sig.(2 tailed) bersamaan 0.800, iaitu lebih besar daripada 0.05, maka hipotesis nol (Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor program diploma) adalah diterima. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor program diploma.

**H<sub>03</sub>:** Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor umur.

*Jadual 4.8.Ujian ANOVA kesediaan pelajar berdasarkan faktor umur*

Umur	Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan	Min kuasa dua	Nilai F	Signifikan
Antara kumpulan	0.265	5	0.053	0.269	0.929
Dalam kumpulan	21.329	108	0.197		
Jumlah	21.595	113			

Signifikan pada p < 0.05

Jadual 4.8 menunjukkan nilai signifikan (sig.) 0.929 adalah lebih besar dari 0.05. Keputusan ini menunjukkan hipotesis nol (Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor umur) diterima. Walaubagaimanapun, ujian Post-hoc tidak dapat dijalankan kerana terdapat satu kumpulan yang mempunyai kurang daripada dua kes.

**H<sub>04</sub>:** Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor pengalaman menggunakan internet.

Jadual 4.9. Ujian ANOVA kesediaan pelajar berdasarkan faktor pengalaman menggunakan internet

Pengalaman menggunakan internet	Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan	Min kuasa dua	Nilai F	Signifikan
Antara kumpulan	0.663	5	0.133	0.684	0.637
Dalam kumpulan	20.932	108	0.194		
Jumlah	21.595	113			

Signifikan pada  $p < 0.05$

Jadual 4.9 menunjukkan nilai signifikan (sig.) 0.637 adalah lebih besar dari 0.05. Keputusan ini menunjukkan hipotesis nol (Tidak terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor pengalaman menggunakan internet) diterima.

**H<sub>05</sub>:** Tidak terdapat hubungan antara tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* dengan pengalaman menggunakan internet.

Jadual 4.10. Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Kesediaan Pelajar dan Pengalaman menggunakan internet

	Kesediaan	Pengalaman menggunakan internet
Kolerasi Pearson	1	.167
Sig.( 2-tailed)		.076
N	114	114

\*. Kolerasi adalah sig. pada aras keyakinan 0.05 (2-tailed).

Hipotesis H<sub>05</sub> ini diuji menggunakan pekali kolerasi Pearson. Pekali kolerasi Pearson digunakan kerana kedua-dua data boleh ubah bebas dan bersandar adalah terdiri daripada responden yang sama. Berdasarkan ujian Kolerasi Pearson yang dijalankan, dapatan menunjukkan wujud hubungan positif yang sangat lemah ( $r_{xy} = 0.167$ ) dan tidak signifikan ( $p=0.076>0.05$ ) antara tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* dengan pengalaman menggunakan internet. Justeru H<sub>05</sub> (Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan blended learning dan pengalaman menggunakan internet) adalah diterima.

## 5. Perbincangan

Hasil analisis berdasarkan jantina menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Skor min kelebihan pembelajaran bersemuka merupakan yang paling tinggi iaitu 4.44. Skor min lain yang berada di tahap yang tinggi ialah selesa menggunakan teknologi dalam pembelajaran, keyakinan e-pembelajaran mempunyai kelebihan yang tersendiri dan gemar mencari bahan ilmiah di internet. Dapatan ini menggambarkan pelajar bersedia untuk menggunakan teknologi dalam pembelajaran namun pada masa yang sama masih mementingkan pembelajaran bersemuka. Oleh itu, *blended learning* dilihat mampu untuk memenuhi keperluan pelajar tersebut. Manakala skor min yang lain berada pada tahap yang sederhana. Skor min yang paling rendah ialah pelajar merasakan *Blended Learning* sesuatu

yang sukar. Situasi ini mungkin disebabkan pelajar masih kurang berkeyakinan untuk menguruskan pembelajaran mereka sendiri.

Kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran berasaskan *Blended Learning* berdasarkan program diploma turut dikaji. Di JTMK hanya terdapat dua program diploma iaitu DNS dan DDT. Bilangan pelajar berdasarkan program ialah DNS seramai 46 orang dan DDT seramai 68 orang. Hasil ujian-t sampel bebas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor program diploma.

Ujian ANOVA telah dijalankan untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan signifikan kesediaan pelajar berdasarkan faktor umur. Keputusan ujian menunjukkan tiada perbezaan signifikan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran *Blended Learning* berdasarkan umur. Situasi ini menunjukkan perbezaan umur pelajar tidak mempengaruhi kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran berasaskan *Blended Learning*. Ujian ANOVA juga turut dijalankan untuk mengetahui samaada terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor pengalaman menggunakan internet. Hasil menunjukkan tiada terdapat perbezaan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan faktor pengalaman menggunakan internet. Akhir sekali ujian Korelasi Pearson menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan *Blended Learning* dan pengalaman menggunakan internet.

## 6. Rumusan

Berdasarkan ujian yang telah dijalankan secara keseluruhannya tahap kesediaan dalam kalangan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* adalah pada tahap yang tinggi. Ujian-t bebas oleh pengkaji mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan min tahap kesediaan pelajar semester satu JTMK dalam mengikuti pembelajaran dan pengajaran menggunakan kaedah *Blended Learning* berdasarkan semua faktor demografi yang dikaji.

## Rujukan

- Akkoyunlu, B., & Soylu, M. Y. (2008). A study of student's perceptions in a blended learning environment based on different learning styles. *Journal of Educational Technology & Society*, 11(1), 183-193.
- Azizan, F. Z. (2010). Blended learning in higher education institution in Malaysia. In *Proceedings of regional conference on knowledge integration in ICT* (pp. 454-466).
- Bonk, C. J., & Graham, C. R. (2006). *The handbook of blended learning*. San Francisco, CA: Pfeiffer.
- Deborah Leduning, & Lee Kean Wah. (2013). Focus on students: A blended Business English writing class in Sabah. *Jurnal Teknologi*, 65(2).
- Dziuban, C. D., Hartman, J. L., & Moskal, P. D. (2004). Blended learning. *EDUCAUSE Center for Applied Research Bulletin*, 7(1), 12.
- E. R., & K. K. (n.d.). *Handbook of Research on K-12 Atas talian and Blended Learning*. Retrieved December 20, 2016, from [http://press/etc.cmu.edu/files/Handbook-Blended-Learning\\_Ferdig-Kennedy-et-al\\_web.pdf](http://press/etc.cmu.edu/files/Handbook-Blended-Learning_Ferdig-Kennedy-et-al_web.pdf)
- Husin, Z, Siraj,S, Darulsalam.G & Mohd.Salleh,N.S (Januari 2015). Kajian Model Blended Learning Dalam Jurnal Terpilih: Satu Analisa Kandungan. *Jurnalkurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*,3(1). Retrieved November 10, 2016, from [http://repository.um.edu.my/98074/1/Artikel\\_4\\_Bil\\_3\\_Isu\\_1.pdf](http://repository.um.edu.my/98074/1/Artikel_4_Bil_3_Isu_1.pdf)
- Hussin, F., Ali, J., & Noor, M. S. (2015). *Kaedah penyelidikan & analisis data SPSS*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia

- Kintu, M. J., Zhu, C., & Kagambe, E. (2017). Blended learning effectiveness: the relationship between student characteristics, design features and outcomes. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 14(1), 7.
- Luaran, J. E., Alias, N. A., & Jain, J. (2014). Blended learning: Examining concepts and practices. *Blended and flipped learning: Case studies in Malaysian HEIs*, 19-33.
- Osman. N, & Hamzah, M.I (April 2016). Hubungan Kesediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran Berasaskan Blended Learning Berdasarkan Jantina Dan Program. *Jurnalkurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4 (2). Retrieved November 10, 2016, from [http://juku.um.edu.my/filebank/published\\_article/9667/\(1-9\)%20HUBUNGAN%20KESEDIAAN%20PELAJAR.pdf](http://juku.um.edu.my/filebank/published_article/9667/(1-9)%20HUBUNGAN%20KESEDIAAN%20PELAJAR.pdf)
- Soh, Pea Ling (2012) *Students' readiness and perceptions towards mobile learning and their acceptance in adopting mobile learning platform as learning tool and communication tool*. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Education.
- Syarif, I. (2013). Pengaruh model blended learning terhadap motivasi dan prestasi belajar siswa SMK. *Jurnal Pendidikan Vokasi*, 2(2).
- Thorne, K. (2003). *Blended learning: how to integrate online & traditional learning*. Kogan Page Publishers.
- Vaughan, N. (2014). Student engagement and blended learning: Making the assessment connection. *Education Sciences*, 4(4), 247-264.
- Zainal Abidin, Z.A (2014). *Garis Panduan Amalam Terbaik Konsep Pembelajaran Teradun Bagi Politeknik-Politeknik Malaysia*. Bahagian Instruksional Dan Pembelajaran Digital Jabatan Pengajian Politeknik.